

KEJUTAN ROMBAKAN KABINET

MASSA 28.6.2003

Langkah menaikkan Chan Kong Choy kemungkinan mengecewakan penyokong-penyokong Team A yang diketuai oleh Ong Ka Ting yang kini merupakan Presiden MCA



Barisan baru MCA dari kiri, Ketua Pemuda, Ong Tee Kiat, Timbalan Presiden, Chan Kong Choy, Presiden Ong Ka Ting, Setiausaha Agung, Dr. Ting Chew Peh dan Ketua Wanita, Dr. Ng Yen Yen.

Oleh G. MANIMARAN

KEJUTAN Dr. Mahathir Mohamad berterusan. Tiada siapa yang sangka. Ya! Begitu lah tanggapan ramai. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang terkenal dengan pendekatan mengejutkan, sama ada menerusi kenyataan umum ataupun tindakannya, meneruskan tradisi itu sekali lagi minggu ini dalam waktu yang singkat selepas Perhimpunan Agung UMNO ke-54.

Kali ini kejutan beliau dirasai menerusi penyusunan semula Kabinet Persekutuan.

Jika dihalusi, terdapat beberapa aspek menarik dalam rombakan itu.

Pertama, tradisi MCA bahawa Presiden parti akan memegang jawatan Menteri Pengangkutan kini berubah. Timbalan Presiden MCA, Datuk Chan Kong Choy mengisi kekosongan yang diwujudkan oleh Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik di bawah pelan damai yang dimeterai sebulan yang lalu.

Kedua, buat pertama kali jawatan Timbalan Menteri Kewangan disandang oleh seorang wanita. Selama ini jawatan itu didominasi oleh kaum lelaki. Ketua Wanita MCA, Datuk Dr. Ng Yen Yen selaku Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menggantikan tempat Kong Choy. Ini merupakan satu penghargaan dan pengiktirafan kepada wanita negara ini.

Ketiga, Senator Datuk M. Kayveas yang menjadi perhatian ramai ekoran pendedahannya mengenai amalantidak sihat dalam Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Pihak Berkuasa Tempatan berpindah ke Jabatan Perdana Menteri dan akan memikul tanggungjawab dalam portfolio undang-undang membantu Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

Keempat, Datuk Mastika Junaidah Husin, Ahli Parlimen Arau, pula tidak menyangka akan dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Kejutan merupakan sebahagian dari-

pada komponen dalam proses politik. Turun naik tidak boleh disangka.

Penyusunan anggota Kabinet Persekutuan kali ini tampak kecil tetapi mempunyai impak yang besar dalam arus pembangunan dan politik negara. Ia amat signifikan menjelang pilihan raya umum ke-11.

Penyusunan kali ini diumumkan sebagai langkah susulan kepada proses damai yang sedang berlaku dalam MCA, salah sebuah parti komponen utama Barisan Nasional.

Keputusan Dr. Mahathir meletakkan penyokong-penyokong dari kedua-dua Team A dan Team B dalam portfolio yang utama sebenarnya akan menyumbang kepada kejayaan lebih cepat untuk mewujudkan kestabilan dan keamanan dalam MCA.

Misalnya, Kong Choy dari Team B dan selaku Timbalan Presiden apabila diberikan kepercayaan mengetuai Kementerian Pengangkutan memberikan 'penghargaan' kepada penyokong-penyokong dari puak berkenaan.


PELANTIKAN BARU



Chan Kong Choy
(Menteri Pengangkutan)



Fu Ah Kow
(Tim. Menteri kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan)



Donald Lim
(Tim. Menteri Penerangan)



Ir. Cheong Sing
(Setiausaha Parlimen
Kementerian Perdagangan
Antarabangsa dan Industri)



Mastika Junaidah Husin
(Setiausaha Parlimen
Kementerian Pembangunan
Wanita dan Keluarga)

Langkah itu kemungkinan mengecewakan penyokong-penyokong Team A yang diketuai oleh Datuk Seri Ong Ka Ting yang kini merupakan Presiden MCA.

liagaimanapun rasa tidak puas hati boleh diubah dengan pelantikan Yen Yen memegang jawatan Timbalan Menteri Kewangan II. Bagi ahli-ahli politik, portfolio kewangan adalah satu kedudukan yang berprestij dan membawa imej yang baik.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir tidak melihat aspek Team A dan Team B dalam mempertimbangkan keputusannya. Aspek kebolehan dan keupayaan bekerja sebenarnya lebih penting.

Malah, dalam memberikan khidmat kepada kerajaan dan negara, soalmasalah politik dalaman parti seharusnya diketepikan kerana jika tidak ia akan menjejaskan mutu kerja dan perkhidmatan kepada rakyat.

Di samping itu, ahli-ahli MCA seharusnya telah melupakan segala bentuk perselisihan faham dan perbezaan pendirian sebaik sahaja berlaku peralihan kuasa dan kepimpinan parti itu pada penghujung bulan lalu.

Yen Yen yang dikaitkan dengan kontroversi memegang status penduduk tetap Australia di sebalik konflik dalaman MCA diberi kepercayaan 'menganngotai' keluarga Kementerian Kewangan. Pelantikan seorang wanita sebagai timbalan menteri merupakan satu sejarah dalam Kementerian Kewangan. Ia juga akan memberikan semangat baru kepada kaum wanita di Kementerian Kewangan.

Sekali lagi Dr. Mahathir melihat keupayaan Yen Yen memikul tanggungjawab tersebut. Ia juga merupakan satu pengiktirafan kepada wanita di negara ini.

Sepanjang satu dekad lalu Dr. Maha-

PELANTIKAN BARU



Dr. Ng Yen Yen
(Tim. Menteri Kewangan II)



Douglas Uggah Embas
(Tim. Menteri Pengangkutan)



M. Kayveas
(Tim. Menteri di Jabatan
Perdana Menteri)

thir telah meningkatkan imej dan martabat kaum wanita di negara ini. Banyak pendekatan telah diambil.

Selapas pilihan raya umum ke-10 pada tahun 1999, kerajaan mewujudkan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Perlembagaan Persekutuan dipinda untuk menyediakan peruntukan khas bagi menjaga kepentingan dan kebajikan kaum wanita.

Iajuga selari dengan peningkatan paras penyertaan wanita dalam proses pembangunan negara meliputi semua bidang. Misalnya, dalam senarai daftar pemilih, peratusan pemilih wanita mengalami peningkatan secara ketara sepanjang satu dekad yang lalu berbanding kaum lelaki. Nisbah pemilih wanita di enam negeri mengatasi peratusan pemilih lelaki. Mereka merupakan kuasa baru yang boleh menentukan kuasa menerusi pilihan rayapada masa-masa akan datang.

Pelantikan Yen Yen menambah bilangan anggota wanita dalam Kabinet Persekutuan. Yen Yen mempunyai tanggungjawab yang berat untuk membuktikan bahawa wanita juga boleh men-

jalankan kerja-kerja berkaitan dengan kewangan negara.

Apakah pelantikan Yen Yen dan Mastika merupakan isyarat bahawa jawatan utama dalam kabinet pada masa depan, misalnya jawatan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, boleh dipegang oleh kaum wanita? Ataupun negara sedang menghala ke arah itu?

Dalam pada itu, Kayveas, Presiden Parti Progresif Penduduk, akan memulakan tugas baru beliau di Jabatan Perdana Menteri. Dr. Mahathir menyifatkan perubahan tempat itu sebagai satu perkara biasa.

Tiada siapa yang kekal dalam sebuah kementerian buat selama-lamanya. Tetapi disebabkan perubahan ini berlaku ketika isu PBT masih hangat diperkatakan, ramai membuat rumusan bahawa ia ada kaitan dengan kontroversi yang dicituskan baru-baru ini.

Kayveas tidak seharusnya kecil hati dengan perubahan ini. Sebaliknya beliau harus melihat ia sebagai satu lagi peluang untuk memberikan sumbangan dan berkongsi pengalaman selaku seorang peguam untuk memperkuatkan aspek perundangan negara. □